PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(1) Jun. 2013 (10–18)

Inventori Fonem Konsonan Dialek Melayu Kuching Sarawak

Saidatul Faiqah Samasu, Adi Yasran Abdul Aziz
adi@fbmk.upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan membuat penilaian semula terhadap pandangan pengkaji lepas berkaitan inventori fonem konsonan Dialek Melayu Kuching Sarawak (DMKS). Penelitian terhadap inventori fonem DMKS telah dibuat oleh beberapa pengkaji lepas, namun terdapat percanggahan dari segi jumlah dan status fonem konsonan DMKS yang dikemukakan. Madzhi Johari (1988) menyenaraikan 20 fonem konsonan DMKS, manakala Asmah (2008) dan Collins (1987) pula mendapati DMKS mempunyai 19 fonem konsonan sahaja. Hasil dapatan mereka adalah berdasarkan pendekatan struktural yang beranggapan semua segmen bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat ujaran manusia ialah fonem. Bagi menjelaskan kekeliruan ini satu kajian telah dibuat dengan menggunakan kaedah pemerhatian, data sekunder dan pengetahuan pengkaji sebagai penutur natif DMKS. Data dianalisis dengan menggunakan pendekatan fonologi generatif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hanya terdapat 17 fonem konsonan DMKS termasuklah segmen konsonan /ɣ/ dan /ʔ/ yang dianggap tidak berstatus fonem dalam bahasa Melayu baku. Dapatan ini telah mengetepikan segmen bunyi terbitan [w], [j] dan segmen bunyi kata pinjaman dalam inventori fonem konsonan DMKS yang dianggap sebagai fonem sebelum ini oleh sesetengah pengkaji.

Kata kunci: inventori konsonan, fonem, Dialek Melayu Kuching Sarawak, fonologi generatif, proses fonologi

Abstract

The aim of this article is to review the previous study on the segment inventory of Kuching Sarawak Malay dialect. As shown in previous studies, differences was spotted in term of the number and status of segments inventory proposed. Research conducted by Asmah (2008) and Collins (1987) discovered 19 consonant phoneme in DMKS, in contrast to 20 consonant phoneme proposed by Madzhi (1988). These findings were based on structural approach that of assuming that phoneme is all sound segments produced from human articulator. To clarify this confusion, a study was conducted, implementing method of observation, secondary data analysis and first-hand knowledge of researcher as DMKS native speaker. This study utilized generative phonology approach. The analysis revealed that DMKS has 17 consonant segments, including /ɣ/ and /ʔ/ segments which considered non-phonemic in standard Malay language. The findings of the study has also dispensed derived segments [w], [j] and loan segments from DMKS consonant inventory which has been previously claimed as phoneme

Keywords: *consonant inventory, phoneme, Kuching Sarawak Malay dialect, generative phonology, phonological process*

1. Pengenalan

Konsep fonem telah diperkenalkan oleh Baudouin de Courtenay dan Mikolaj Kruszewski pada abad ke-19 (Schogt, 1966) yang menerangkan istilah *fonema* sebagai unit asas *psychophonetics*. Konsep fonem terus dikembangkan oleh Trubetzkoy bersama-sama pengikut aliran Prague yang menganggap fonem sebagai unit abstrak yang membezakan makna. Berdasarkan aliran Struktural, fonem adalah unsur bunyi yang paling kecil dan tidak boleh dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil lagi (*irreducible contrastive unit of sound*). Ahli Fonologi Generatif pula memberikan perhatian kepada fitur distingtif dan sistem pertentangan dalam analisis bunyi bahasa. Fonem ditakrifkan sebagai seberkas fitur *(a bundle of features)* yang terdiri daripada konsonan dan vokal yang terbina

secara dalaman dan kehadirannya sukar diramal. Analisis generatif turut menolak elemen fonemik sebagai unit asas analisis bunyi bahasa seperti yang diterapkan dalam analisis struktural (semua dlm. Schane, 1973). Ahli-ahli fonologi generatif telah membahagikan segmen bunyi bahasa kepada dua struktur, iaitu representasi fonologi dalaman dan representasi fonetik yang dihubungkan melalui set-set atur rumus. Menurut aliran generatif, elemen fonemik berperanan membezakan morfem dan kata yang kemudiannya menjadi unit semantik. Oleh yang demikian, fonem tidak lagi dianggap sebagai unit nahu terkecil yang membezakan makna seperti mana yang didakwa oleh ahli-ahli fonologi struktural, tetapi sebagai unit segmental yang terdiri daripada serangkaian fiturdistingtif berdasarkan analisis generatif.

Perubahan dan perbezaan pendekatan fonologi daripada struktural kepada generatif ini menuntut ahli fonologi mengkaji semula dapatan kajian lalu agar hasil kajian mereka sentiasa dikemas kini bersesuaian dengan perkembangan semasa yang berlaku. Oleh itu, kajian ini berminat untuk meneliti semula dapatan kajian lalu tentang inventori fonem konsonan DMKS. Penelitian terhadap inventori fonem DMKS telah dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Madzhi (1988), Collins (1987) dan Asmah (2008). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pengkaji ini, iaitu dari segi jumlah dan status fonem dalam inventori segmen DMKS, khususnya inventori fonem konsonan. Oleh yang demikian, suatu penjelasan berpada diperlukan bagi menyelesaikan masalah ini.

Inventori fonem sangat penting bagi menjelaskan proses fonologi yang berlaku dalam teori fonologi generatif kerana kegagalan mengenal pasti bentuk fonem yang terdapat dalam sesuatu bahasa atau dialek akan menyebabkan kegagalan dalam menentukan proses fonologi yang berlaku. Hal ini berbeza dengan analisis struktural yang menganalisis bentuk fonetik sahaja dan beranggapan bahawa sebab-sebab perubahan bunyi berlaku tidak diketahui. Dalam fonologi generatif sebab-sebab berlaku perubahan bunyi dijelaskan berdasarkan pematuhan terhadap rumus fonologi tertentu. Rumus ini terbentuk secara konseptual berdasarkan proses fonologi yang berlaku daripada bentuk fonemik/dalaman kepada bentuk fonetik/luaran. Proses fonologi ini terbahagi kepada tiga, iaitu proses perubahan, pengguguran dan penyisipan.

Dialek Melayu Kuching

Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) menunjukkan bahawa negeri Sarawak didiami seramai 2.47 juta orang penduduk yang terdiri lebih daripada 30 kumpulan etnik yang berbeza. Atas dasar kepelbagaian bangsa ini, dialek Melayu Sarawak dipilih sebagai salah satu *lingua franca* atau bahasa perhubungan di Sarawak selepas Bahasa Iban (Mohammed Azlan, 2010). Menurut Asmah (2008), DMKS merupakan subdialek asas dalam dialek Sarawak dan dituturkan dan difahami oleh hampir keseluruhan masyarakat di Sarawak. Data daripada statistik terkini menunjukkan bahawa DMKS digunakan sebagai bahasa pertama oleh 568,113 orang penutur Melayu di Sarawak dan kaum-kaum lain. Penutur DMKS terdiri daripada masyarakat Melayu di sekitar bandar Kuching, termasuk di Petra Jaya, Santubong, Muara Tebas, Bako dan Buntal (Madzhi Johari 1988). DMKS memiliki berbagai-bagai variasi mengikut daerah, namun DMKS variasi Kuching menjadi variasi pilihan yang dominan dalam kalangan masyarakat di Sarawak dan dianggap kelainan 'baku' dalam DMKS. Hal ini sedemikian kerana DMKS lebih mudah tersebar berbanding kelainan DMKS yang lain disebabkan oleh peranan kawasan Kuching sebagai kawasan tumpuan bagi pusat pentadbiran, pusat kebudayaan dan pusat perniagaan.

Sebagai salah satu daripada dialek Melayu yang terdapat di negeri Sarawak, DMKS menunjukkan perhubungan kekeluargaan yang dekat dengan bahasa Melayu seluruhnya kerana terdapat banyak ciri persamaan di antara kedua-duanya (Madzhi 1988). DMKS turut memiliki beberapa ciri yang menjadikannya sebagai dialek Melayu yang unik. Keunikan DMKS telah menarik banyak pengkaji luar negara untuk menjadikannya sebagai bahan kajian sejak zaman pramerdeka lagi. Antara yang terawal ialah Chalmers (1861), Roth (1896) dan Buck (1939) (dalam Madzhi 1988). Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut hanya memberikan tumpuan terhadap aspek leksikal DMKS sahaja. Kebanyakan kajian awal tidak memberi penekanan pada aspek fonetik dan penjelasan secara fonologi berkaitan fenomena bahasa dalam DMKS. Antaranya ialah permasalahan segmen fonem dalaman yang perlu dijelaskan dari segi jumlah dan statusnya secara berpada.

2. Inventori Fonem Konsonan DMKS

Pengkaji-pengkaji sebelum ini mengemukakan pendapat yang berbeza-beza tentang jumlah fonem konsonan DMKS. Madzhi (1988) yang menghuraikan aspek fonologi DMKS berdasarkan pendekatan deskriptif menyenaraikan 20 fonem konsonan DMKS, sementara Asmah (2008) dan Collins (1987) menyenaraikan 19 fonem konsonan DMKS. Perbezaan jumlah fonem ini wujud kerana Asmah dan Collins tidak meletakkan fonem pinjaman /z/ dalam carta inventori mereka. Oleh itu, kajian Asmah dan Collins ini adalah lebih berpada dan lebih menggambarkan fonem dalaman DMKS. Walau bagaimanapun, terdapat dua daripada 19 fonem konsonan yang disenaraikan oleh Asmah dan Collins memerlukan penilaian semula, iaitu fonem geluncuran [j] dan [w] kerana menurut analisis generatif bagi bahasa Melayu baku, kedua-duanya dianggap tidak berstatus fonem (Zaharani 2005). Perbezaan pandangan ini wujud kerana pengkaji terdahulu menggunakan pendekatan struktural yang beranggapan semua segmen bunyi bahasa asli yang terhasil dalam bentuk luaran adalah fonem sedangkan dalam fonologi generatif hanya segmen bunyi yang dianggap wujud secara dalaman sahaja yang berstatus fonem. Walau bagaimanapun perbezaan ini perlu dijelaskan kerana terdapat banyak kajian yang tidak menyatakan secara jelas pendekatan atau teori yang digunakan.

Dalam pendekatan generatif, segmen-segmen bunyi terbitan dan pinjaman yang penyebarannya terhad dan mudah diramal kehadirannya tidak termasuk dalam inventori fonem. Oleh itu, fonem pinjaman /z/ tidak termasuk dalam senarai inventori fonem konsonan DMKS memandangkan statusnya yang bukan fonem dalaman dialek tersebut. Hal ini terbukti apabila data yang menunjukkan kehadiran fonem /z/ hanya hadir dalam kata pinjaman tertentu yang belum diserap dalam DMKS. Ada pun penggunaan fonem /z/ dalam ujaran kata-kata pinjaman dalam DMKS hanya terhad kepada penutur-penutur tertentu. Penyebaran yang terhad dan hanya dipertahankan oleh sebilangan penutur inilah yang dinyatakan oleh Nik Safiah (1966) sebagai bersifat *marginal* atau perantara.

Hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati, kata-kata pinjaman yang mempunyai fonem /z/ diujarkan sebagai /dʒ/ dalam DMKS. Contohnya:

/zaman/	→	[dʒa.mãn]
/zakat/	→	[dʒa.kat]
/zikir/	→	[dʒi.keɣ]
/ziarah/	→	[dʒa.ɣah]

Hal yang sama juga terjadi kepada fonem-fonem pinjaman yang lain seperti /f/ dan /v/, fonem-fonem ini direalisasikan sesuai dengan bunyi konsonan dalaman DMKS. Fonem /f/ diujarkan sebagai /p/ manakala /v/ sebagai /b/. Contohnya:

/faham/	→	[pa.ham]
/fikir/	→	[pi.keɣ]
/sofa/	→	[so.pa]
/mualaf/	→	[mũ.a.lap]
/van/	→	[ben]
/tivi/	→	[ti.bi] (televisyen)

Selain fonem /z/ yang berstatus pinjaman, segmen terbitan [j] dan [w] juga dianggap tidak berstatus fonem dalam DMKS, setelah mengambil kira kehadirannya yang mudah diramal dalam dialek tersebut. Kehadiran segmen [j] dan [w] dalam DMKS direalisasikan daripada fonem /i/ dan /u/ yang berada di onset suku kata.

/iaʔ/	→	[jaʔ]
/laiuʔ/	→	[la.juʔ]
/ualo/	→	[wa.lo]
/uaŋi/	→	[wa.ŋi]
/tauar/	→	[ta.waɣ]

Fonem /i/ dan /u/ yang direalisasikan sebagai segmen geluncuran [j] dan [w] apabila berada di onset suku kata ini telah melaksanakan rumus pembentukan geluncuran yang boleh diformalisasikan seperti berikut:

$$\begin{bmatrix} +\text{silabik} \\ +\text{tinggi} \\ \propto\text{belakang} \end{bmatrix} \rightarrow \begin{bmatrix} -\text{konsonantal} \\ -\text{silabik} \\ -\text{tinggi} \\ \propto\text{belakang} \end{bmatrix} / \quad \$ \quad __$$

'$ adalah sempadan suku kata'

Rumus di atas menjelaskan bahawa vokal tinggi /i/ yang mempunyai fitur distingtif [–belakang] akan direalisasikan sebagai geluncuran [j] yang mempunyai fitur belakang yang sama, manakala vokal tinggi /u/ yang mempunyai fitur distingtif [+belakang] akan direalisasikan sebagai geluncuran [w] yang mempunyai fitur belakang yang sama di onset suku kata. Berdasarkan rumus ini juga dapat dikenal pasti bahawa /i/ dan /u/ pada posisi nukleus seperti dalam /ikan/ dan /ubat/ tidak direalisasikan sebagai [j] dan [w] kerana tidak memenuhi syarat lingkungan, iaitu di onset suku kata yang disyaratkan oleh rumus tersebut.

Dapatan ini sedikit berbeza dengan pembentukan geluncuran dalam bahasa Melayu yang melaksanakan rumus ini pada kedua-dua margin suku kata, iaitu onset dan koda. Pembentukan geluncuran dalam bahasa Melayu ini telah dijelaskan oleh Zaharani (2005) yang menyatakan bahawa vokal tinggi dalam bahasa Melayu boleh bersifat silabik dan non-silabik bergantung pada posisinya dalam struktur suku kata. Segmen /i/ dan /u/ yang berada di nodus nukleus berfungsi sebagai vokal tinggi silabik, dan direalisasikan sebagai vokal [i] dan [u]. Tetapi, apabila ia hadir di nodus margin, iaitu di onset atau di koda, segmen tersebut akan berfungsi sebagai vokal tinggi non-silabik, dan lazimnya direpresentasikan sebagai konsonan geluncuran [j] dan [w].

Selain itu, penyisipan kedua-dua konsonan geluncuran [j] dan [w] turut dapat diramal kehadirannya di antara rangkap vokal yang didahului oleh vokal tinggi sama ada /i/ atau /u/ seperti yang ditunjukkan dalam data DMKS yang berikut:

/buah/	→	[bu.wah]	'buah'
/kuis/	→	[ku.wis]	'kuis'
/bueh/	→	[bu.weh]	'buih'
/ñioɣ/	→	[ñi.joɣ]	'niur'
/tiup/	→	[ti.jup]	'tiup'
/siaŋ/	→	[si.jaŋ]	'siang'

Data di atas membuktikan kehadiran segmen geluncuran [j] dan [w] di antara rangkap vokal yang didahului oleh vokal tinggi [i] dan [u], melaksanakan rumus penyisipan geluncuran yang boleh dinotasikan seperti berikut:

$$ø \rightarrow \begin{bmatrix} -\text{konsonantal} \\ -\text{silabik} \\ +\text{tinggi} \\ \propto\text{belakang} \end{bmatrix} / \begin{bmatrix} +\text{silabik} \\ +\text{tinggi} \\ \propto\text{belakang} \end{bmatrix} \quad ___ \quad [+\text{silabik}\ ]$$

Rumus di atas bermaksud [j] yang mempunyai fitur distingtif [–konsonantal], [–silabik], [+tinggi] dan [–belakang] disisipkan di antara vokal rangkap yang didahului vokal /i/ yang mempunyai fitur distingtif [+silabik], [+tinggi] dan [–belakang], manakala [w] yang mempunyai fitur distingtif [–konsonantal], [–silabik], [+tinggi] dan [+belakang] disisipkan di antara vokal rangkap tinggi yang bermula dengan /u/ yang mempunyai fitur [+silabik], [+tinggi] dan [+belakang].

Kedua- dua rumus pembentukan dan penyisipan geluncuran di atas membuktikan bahawa kehadiran segmen [j] dan [w] yang mudah diramal apabila kedua-dua rumus tersebut menghasilkan bentuk fonetik yang bertepatan dengan data. Berdasarkan prinsip ekonomi dalam analisis generatif, sesuatu segmen tidak dianggap sebagai fonem jika kehadirannya mudah diramal. Oleh itu, segmen [j] dan [w] dalam DMKS dianggap sebagai segmen terbitan.

Setelah mengambil kira penerangan di atas, tiga segmen daripada dapatan kajian sebelum ini dikeluarkan daripada inventori fonem konsonan DMKS, iaitu /z/, /j/, dan /w/. Oleh itu, inventori fonem konsonan DMKS yang baharu berdasarkan fonologi generatif adalah seperti berikut:

Inventori fonem konsonan DMKS

Hentian	p b	t d		k g	ʔ
Afrikat			tʃdʒ		
Frikatif		s			h
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Likuida		l		ɣ	

Inventori konsonan di atas menunjukkan bahawa terdapat 17 fonem konsonan dalam DMKS. Kedudukan inventori fonem konsonan di atas adalah sama seperti yang dikemukakan oleh Madzhi kecuali kedudukan fonem /ɣ / yang diletakkan sama dengan kedudukan fonem /l/ di dalam kelas cara artikulasi likuida. Ini berbeza dengan inventori fonem konsonan pengkaji-pengkaji lepas yang meletakkan fonem /ɣ/ dalam kelas cara artikulasi frikatif.

Fonem Konsonan /ɣ/

Bagi inventori fonem konsonan DMKS, Madzhi (1988) dan Asmah (2008) bersependapat dalam menyenaraikan segmen bunyi /ɣ/ sebagai bunyi frikatif velar dengan mengambil kira pertimbangan fonetik segmen bunyi tersebut. Bagaimanapun Zaharani (2006) menyenaraikan /ɣ/ dalam kelas likuida bagi beberapa dialek Melayu, manakala Adi Yasran (2005) pula menyenaraikannya dalam kelas likuida bagi dialek Melayu Kelantan. Kedua-dua pendapat ini adalah berdasarkan pertimbangan fonetik dan fonologi generatif. Dari segi fonetik kedua-dua mereka menyenaraikan /ɣ/ di bawah titik artikulasi velar, namun dari segi fonologinya mereka menyenaraikannya dalam kelas cara artikulasi likuida bagi menjelaskan beberapa isu fonologi yang memerlukannya dikategorikan sedemikian.

Likuida merangkumi set segmen yang berbeza terutama *lateral approximants* dan keluarga ‘r’, termasuklah gigi-gusi (*alveolar*) dan gigi-gusi-lelangit keras (*post alveolar*), getaran (*trills*), tamparan (*taps*), dan separuh vokal (*approximants*), dan kadang-kadang frikatif, dan sesetengah anak tekak (*uvular*) dan getaran lelangit lembut (*velar trills*), frikatif dan separuh vokal. Oleh itu, sama ada konsonan /ɣ/ dinilai sebagai obstruen frikatif atau sonoran likuida bergantung kepada analisis fonologi sesuatu bahasa atau dialek (Lass 1984 dalam Ball dan Muller 1992). Jika dalam bahasa atau dialek tersebut menunjukkan /l/ dan /ɣ/ mempunyai perilaku fonologi yang sama, maka fonem tersebut boleh dikategorikan sebagai likuida.

Oleh itu, peletakan fonem /ɣ/ dalam kelas likuida memerlukan satu analisis fonologi khususnya analisis fonologi generatif. Dalam hal ini, DMKS juga tidak terkecuali daripada mempamerkan perlakuan fonologi yang memerlukan fonem /l/ dan /ɣ/ diletakkan di bawah kelas alamiah yang sama, iaitu likuida seperti dalam proses

metatesis. Proses ini melibatkan dua segmen yang berurutan secara linear mengalami perubahan kedudukan yang menyaling. Misalnya, /əɣti/ yang direalisasikan sebagai [ɣə.ti] dan /almaɣi/ yang direalisasikan sebagai [lə.mã.ɣi]. Proses metatesis yang berlaku dalam DMKS ini sama seperti yang berlaku dalam dialek Melayu Perak yang telah pun dijelaskan oleh Zaharani (1993) dengan menggunakan rumus notasi transformasi. Dalam rumus ini /l/ dan /ɣ/ telah diletakkan dalam kelas alamiah yang sama yang terdiri daripada fitur [+sonoran], [+konsonantal] dan [–nasal] yang sama dengan likuida bagi membolehkan perubahan struktural dijelaskan dengan lebih berpada. Rumus yang menghasilkan bentuk fonetik yang tepat ini menunjukkan bahawa /l/ dan /ɣ/ berada dalam kelas likuida dalam DMKS.

DMKS mengekalkan kehadiran segmen tersebut di semua posisi suku kata dan merealisasikannya sebagai /ɣ/. Ini berbeza dengan kebanyakan dialek-dialek Melayu lain yang menghilangkan segmen /r/ pada posisi koda. Contohnya, perealisasian perkataan /pagar/ dalam beberapa dialek berikut (Zaharani 2006):

Johor	[paga]
Perak	[pagɔ]
Melaka	[pagaw]
Kedah	[pagaʔ]
Sarawak	[pagaɣ]
Kelantan	[paga]

Analisis dan pemerhatian terhadap data DMKS mendapati bahawa segmen /r/ sememangnya tidak terdapat dalam dialek tersebut. Selain bukti kajian diakronik yang mengatakan bahawa /ɣ/ adalah bentuk BM induk, kajian dari segi sinkronik juga mendapati bunyi [r] tidak wujud dalam DMKS walaupun dengan menggunakan kaedah menambahkan imbuhan akhiran pada perkataan yang diakhiri dengan /r/ dalam BM seperti /sindir+an/ → [sin.deɣ.ɣan]. Dengan itu, bunyi konsonan /r/ tidak boleh dianggap sebagai fonem dan bentuk dalaman bagi DMKS.

Walaupun dari segi fonetiknya fonem /ɣ/ DMKS berbeza dengan konsonan getaran /r/ dalam BM, namun dari segi fonologinya ia sepadan dengan fonem /r/ dalam BM pada semua posisi, iaitu posisi koda dan onset seperti berikut:

Posisi koda		Posisi onset	
[bə.saɣ]	‘besar’	[ɣu.gi]	‘rugi’
[pi.keɣ]	‘fikir’	[gə.ɣak]	‘gerak’
[an.tʃoɣ]	‘hancur’	[so.ɣa]	‘suara’

Bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian terhadap golongan penutur muda, didapati konsonan /ɣ/ tidak lagi dipertahankan pada posisi koda. Konsonan tersebut digugurkan pada posisi koda dan menyebabkan kepanjangan pada segmen vokal yang mendahuluinya. Menurut Collin (1987), /ɣ/ merupakan bentuk turunan pada tahap awal perkembangan DMKS. Perkembangan demi perkembangan yang dialami oleh dialek tersebut telah menjadi sebab paling konkrit dalam menjelaskan penggugurannya di posisi koda suku kata dalam kalangan penutur baharu.

Hentian Glotis [ʔ]

Satu lagi keistimewaan yang ditunjukkan oleh DMKS ialah status segmen /ʔ/ sebagai fonem. Dalam BM dan dialek-dialek Melayu yang lain, /ʔ/ ialah segmen terbitan dan tidak wujud dalam bentuk dalaman kerana kehadirannya yang mudah diramal. Dalam DMKS, /ʔ/ terbukti berstatus fonem berdasarkan pasangan minimal yang wujud dalam kosa kata DMKS seperti dalam data di bawah.

[tə.kaʔ]	‘teka’	[tə.kak]	‘tekak’
[kə.ɣaʔ]	‘kera’	[kə.ɣak]	‘kerak nasi’
[a.dʒaʔ]	‘saja’	[a.dʒak]	‘ajak’
[ba.baʔ]	‘gagap’	[ba.bak]	‘cabut/rentap’

Berdasarkan pasangan minimal yang ditemui, dua kesimpulan dapat dibuat. Pertama, /ʔ/ tidak direalisasikan daripada /k/, malah /k/ di akhir kata tidak mengalami perubahan sebagaimana dalam bahasa Melayu yang direalisasikan sebagai hentian glotis. Kedua, /ʔ/ hanya boleh hadir di posisi koda suku kata akhir.

Collins (1987) menyenaraikan tiga sebab yang memungkinkan wujudnya /ʔ/ pada akhir kata, antaranya ialah kewujudan /ʔ/ pada bentuk purba. Menurut beliau, /ʔ/ wujud di akhir kata yang berakhir dengan vokal. Contohnya:

[ba.siʔ]	‘basi’
[ga.ɣuʔ]	‘garu’
[bu.kaʔ]	‘buka’

Walau bagaimanapun, terdapat juga kata yang berakhir dengan vokal yang tidak mengalami kehadiran /ʔ/ antaranya:


[ma.ta]	‘mata’
[a.ɣi]	‘hari’
[ba.dʒu]	‘baju’

Oleh itu, kehadiran fonem /ʔ/ yang sukar diramal ini mengukuhkan lagi pendapat yang mengatakan bahawa segmen ini sememangnya berstatus fonem dalam DMKS. Beberapa pengkaji juga berpendapat, perkara ini menjadi bukti bahawa /ʔ/ merupakan bentuk fonem purba. Adelaar (dalam Collins 1987) beranggapan fonem /ʔ/ merupakan satu inovasi dalam DMKS.

Selain DMKS, kebanyakan pengkaji lain juga mendapati bahawa fonem /ʔ/ memang terdapat dalam bahasa-bahasa di Sarawak seperti Bahasa Bidayuhik dan Bahasa Ibanik. Misalnya, dapatan Rahim Aman (2008) yang menunjukkan bahawa fonem /ʔ/ berada pada posisi koda dalam varian Bidayuhik. Menurut beliau, dialek Melayu Sarawak tergolong dalam kelompok Dialek Melayik yang merupakan turunan daripada Bahasa Austronesia Purba. Dapatan beliau juga menunjukkan bahawa Dialek Melayu Sarawak termasuk DMKS dan subdialek-subdialek di sekitarnya mempunyai hubungan genetik yang lebih rapat dengan kelompok Ibanik berbanding dialek-dialek Melayu yang lain. Hal ini menguatkan andaian bahawa Dialek Melayu Sarawak dan subdialek sekitarnya merupakan turunan langsung daripada Bahasa Melayu Purba.

Berbeza dengan BM dan dialek-dialek Melayu Semenanjung yang lain, segmen /ʔ/ tidak dianggap fonem kerana penyebarannya yang terhad dan muncul pada bentuk luaran sebagai alofon kepada segmen /k/ atau alofon kepada /p/, /t/ dan /k/ seperti yang berlaku dalam dialek Kelantan (Adi Yasran 2012). Ada pun beberapa perkataan atau ujaran yang menunjukkan kehadiran segmen /ʔ/ merupakan bukti bentuk purba yang dikekalkan. Bentuk ini bagaimanapun bersifat tidak produktif tanpa kehadiran perkataan-perkataan baharu yang memperlihatkan kehadiran segmen /ʔ/. Kebanyakan bentuk purba dengan segmen konsonan /ʔ/ sudah dihilangkan atau digugurkan kesan daripada evolusi bahasa.

Perbezaan yang wujud antara DMKS dan dialek-dialek Melayu Semenanjung ini turut menyokong pengelompokan keluarga bahasa yang dikemukakan oleh Asmah (2008). Menurut beliau, dialek Sarawak dan dialek-dialek Semenanjung merupakan turunan daripada dua induk yang berbeza. Beliau menggambarkan silsilah keluarga bahasa Melayu ini seperti berikut:



Singkatan

MI	Melayu Induk	Min	Minang	Pk	Perak
MSumatera	Melayu Sumatera	Ns	Negeri Sembilan	Kel	Kelantan
MSemen	Melayu Semenanjung	UL	Urak Lawoi	Ph	Pahang
MBorneo	Melayu Borneo	Tem	Temuan	Tr	Terengganu
Mk	Minangkabau	Jh	Johor	Ked	Kedah
Rw	Rawa	Sel	Selangor		
Br	Brunei	Mel	Melaka		
Sw	Sarawak				
Kyn	Kedayan				

Berdasarkan rajah pohon di atas, dialek Sarawak, termasuklah DMKS, merupakan turunan daripada induk Melayu Borneo, manakala dialek-dialek Melayu lain seperti dialek Johor, Perak dan Selangor merupakan turunan daripada induk Melayu Semenanjung. Hubungan erat antara induk Melayu Borneo (Mborneo) dengan Melayu Induk (MI) menjelaskan bentuk purba segmen /ʔ/ yang masih dikekalkan dalam DMKS.

Representasi fonem /ʔ/ dalam DMKS ini juga seolah-olah menyokong pandangan Teoh (1994) yang menyatakan bahawa /ʔ/ merupakan bentuk dalaman bahasa dan dialek Melayu. Ini dapat dibuktikan melalui kehadiran bunyi hentian glotis /ʔ/ dalam ujaran beberapa perkataan bahasa Melayu seperti:

/nasi/	→	[na.siʔ]
/tahi/	→	[ta.hiʔ]
/pula/	→	[pu.laʔ]
/dʒuga/	→	[dʒu.gaʔ]
/minta/	→	[min.taʔ]

Bagaimanapun Teoh turut mengandaikan bahawa fonem hentian glotis hadir di posisi onset suku kata seperti /maʔin/ yang direalisasikan sebagai [ma.ʔen]. Data yang digunakan oleh Teoh ini didapati tidak menepati data sebenar dalam bahasa Melayu yang menunjukkan bahawa hentian glotis tidak hadir di posisi onset melainkan jika berlaku proses pengimbuhan sama ada awalan seperti [di.ʔam.bil] atau akhiran seperti [du.ga.ʔan] yang mudah diramal kehadirannya dan boleh dijelaskan melalui rumus penyisipan glotis (lihat Zaharani 1993 dan Adi Yasran 2012).

3. Kesimpulan

Inventori fonem konsonan DMKS mempunyai 17 segmen bunyi yang bersifat dalaman. Dapatan ini diperoleh setelah mengambil kira hujah-hujah fonologi generatif yang menolak segmen pinjaman sebagai segmen bunyi dalaman. Jumlah ini juga tidak termasuk segmen bunyi terbitan [j] dan [w] kerana kehadirannya yang mudah diramal. Bagaimanapun DMKS memperlihatkan kehadiran segmen konsonan /ɣ/ yang berbeza daripada dialek-dialek Melayu yang lain. Walaupun dari segi fonetiknya /ɣ/ ini berbeza daripada konsonan getaran /r/ dalam BM, namun dari segi fonologinya, fonem ini menunjukkan perlakuan yang sama dengan fonem /r/ dalam BM pada semua posisinya dalam kata. Oleh itu, fonem /ɣ/ dianggap tergolong dalam kelas alamiah likuida sama seperti /r/ dalam BM. Satu lagi ciri tersendiri yang dimiliki oleh DMKS ialah kehadiran segmen bunyi /ʔ/ sebagai fonem. Dalam BM dan kebanyakan dialek-dialek Melayu yang lain, segmen /ʔ/ ialah segmen terbitan dan tidak wujud dalam bentuk dalaman. Hal ini dibuktikan dengan data yang menunjukkan kewujudan pasangan minimal dalam DMKS.

Rujukan

Adi Yasran Abdul Aziz, 2005. Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. Tesis Ph.D, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Adi Yasran Abdul Aziz, 2011. Suku Kata Dasar Dialek Kelantan Berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2): 121-136.

Adi Yasran Abdul Aziz, 2012. Analisis Koda Berdasarkan Kekangan Dalam Dialek Kelantan. Kekangan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(4): 1127-1145.

Asmah Haji Omar, 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu* (Edisi Kedua).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ball, M.J. dan N. Muller, 1992. *Mutation in Welsh*. USA: Routledge. (Atas talian) Muat turun 1 April 2013 darihttp://books.google.com.my/books?id=YS3fguS7z6IC&dq=lass+1984,+liquids+sou&source=gbs_navlinks_s.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010. *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Collin, James T., 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indirawati Haji Zahid & Mardian Shah Omar, 2006. *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Madzhi Johari, 1988. *Fonologi Dialek Melayu Kuching Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammed Azlan Mis, 2010. Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(3): 903-922.

Nik Safiah Karim, 1966. Loghat Kelantan: Huraian Fonologi Dan Catatan Pendek Mengenai Sifat-Sifat Umum. *Dewan Bahasa*10(6): 258-264.

Rahim Aman, 2008. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Schane, S.A., 1973. *Generative Phonology*. New Jersey: Prentice – Hall.

Schogt, H.G., 1966. *Baudouin De Courtenay And Phonological Analysis*. *La Linguistique*2(2): 15-29.

Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System Of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahas dan Pustaka.

Zaharani Ahmad, 1991. *The Phonology and Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad, 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad, 1996. Teori Optimaliti dan Analisis Deretan Vokal Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*40(6): 512-527.

Zaharani Ahmad, 2005. *Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account*. Australian National University: Pacific Linguistics.

Zaharani Ahmad, 2006. Kepelbagaian Dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-bangi*,1(1): 1-26.